Ucapan Makan Malam Bersempena dengan Majlis Penutup Mesyuarat Bank for International Settlements Shanghai, 29 Februari 2016

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Terima kasih Jens Weidmann atas kata alu-aluan anda. Gabenor Zhou daripada People's Bank of China (PBoC), yang menjadi tuan rumah untuk mesyuarat kita di Bandar Shanghai yang indah ini dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya berbesar hati kerana diundang untuk berucap pada malam ini pada perhimpunan Gabenor yang disegani ini. Sepanjang 35 tahun kerjaya saya sebagai ahli perbankan pusat, saya berasa bangga kerana dapat bekerjasama dengan Bank for International Settlements (BIS) selama 20 tahun dari tempoh kerjaya saya itu. Pada pertengahan tahun 1990-an, BIS telah memulakan langkah untuk mewujudkan hubungan yang lebih erat dengan negara-negara sedang pesat membangun. Ini dapat dilihat melalui perluasan keanggotaan BIS pada tahun 1996 dan sekali lagi pada tahun 1999 dan 2003 apabila beberapa Bank Pusat negara sedang membangun di Asia menjadi anggota BIS. Hari ini, hampir separuh keanggotaan BIS adalah daripada kalangan negara sedang pesat membangun.

Inisiatif BIS di bawah kepimpinan mendiang Sir Andrew Crockett terbukti amat berpandangan jauh apabila meningkatnya kepentingan dan pengaruh negara sedang pesat membangun terhadap ekonomi global. BIS telah berkembang menjadi sebuah organisasi antarabangsa yang benar-benar global. BIS tidak hanya memberikan tumpuan pada isu-isu penting mengenai kestabilan kewangan yang berpunca daripada sistem kewangan negara maju tetapi juga mengetengahkan isu-isu penting bagi negara sedang pesat membangun. Yang paling penting ialah perbincangan dan interaksi serta peluang yang disediakan untuk negara sedang pesat membangun mempunyai suara dalam isu-isu yang mempunyai implikasi penting kepada kita dan kepada masyarakat global yang lebih luas. Kepada Jaime Caruana dan Lembaga BIS, saya ucapkan terima kasih atas usaha ini.

Saya diundang buat pertama kali untuk menyertai mesyuarat meja bulat BIS pada tahun 1995 dan topiknya pada ketika itu ialah aliran modal. Pada hari ini, dua puluh tahun kemudian, topik ini masih hangat diperkatakan dan terus menjadi isu yang tidak dapat diselesaikan kerana dunia terus menyaksikan peralihan besar dana merentas sempadan. Sesungguhnya, aliran kewangan seperti ini mempunyai kesan yang serius terhadap pasaran kewangan, terutamanya pasaran wang dan pertukaran asing, pasaran modal dan pasaran aset lain di seluruh dunia. Bagi menangani cabaran tersebut dan banyak cabaran lain yang dihadapi Bank-bank Pusat, kita memperoleh banyak manfaat daripada usaha BIS. BIS tidak hanya sentiasa mengutarakan isu-isu yang penting kepada Bank Pusat melalui berbagai laporan, kerja-kerja penyelidikannya, nota-nota penerangannya yang hebat, yang sentiasa berkualiti tinggi dan sangat bermanfaat kepada komuniti Bank Pusat, malah BIS juga telah memainkan peranan penting dalam penyediaan platform yang memudahkan dan mengukuhkan perbincangan dan interaksi serta kerjasama antara Bank Pusat. Dalam pembangunan kerjaya, saya sendiri telah mendapat manfaat daripada pengalaman bekerjasama dengan BIS termasuk di

pejabatnya di Asia yang sangat prolifik. Saya juga bangga kerana menjadi anggota yang mungkin yang paling lama berkhidmat dalam kumpulan tadbir urus di BIS. Pengetahuan yang diperoleh daripada pengalaman ini sudah tentu memberikan manfaat kepada beberapa siri transformasi organisasi yang kami laksanakan di Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan keberkesanan organisasi kami.

Memandangkan mesyuarat BIS kali ini diadakan di Asia, izinkan saya mengambil kesempatan untuk mengatakan sesuatu tentang rantau ini. Meskipun Asia tidak kebal daripada pergolakan dan ketegangan yang berlaku di pelosok dunia, rantau ini telah berjaya menyahut cabaran dan setiap kali telah menunjukkan keupayaan untuk kembali pulih dengan pantas. Faktor-faktor yang telah menyumbang kepada daya tahan ini bukanlah tentang berapa banyak yang telah kita lakukan sebagai tindak balas kepada perkembangan ini tetapi tentang apa yang kita lakukan sebelum ini yang mempersiapkan kita untuk mengharungi perkembangan ini. Semua faktor ini, pada tahap yang berbeza-beza, termasuk pelaksanaan pengimbangan semula dan pelarasan struktur ekonomi, pembaharuan ekonomi dan kewangan, pembangunan sistem kewangan, pelaksanaan disiplin fiskal yang lebih luas, pembinaan instrumen dasar yang lebih banyak, pembinaan penampan ketika dalam keadaan yang baik serta memajukan integrasi dan kerjasama serantau.

Bagi sebahagian besar rantau ini, usaha-usaha yang diambil ini telah menyebabkan ekonomi kami yang lebih pelbagai semakin kurang terdedah kepada kejutan ekonomi. Sistem kewangan kami yang lebih pelbagai dan maju semakin berupaya menyerap dan mengantara kemelut dan pergolakan kewangan, manakala pembaharuan kewangan juga telah meningkatkan fleksibiliti dan menghasilkan pelarasan harga dan kadar pertukaran yang lebih baik. Negara yang mempunyai asas makroekonomi yang kukuh termasuk kedudukan fiskal yang lebih mampan juga mempunyai ruang dasar untuk menguruskan kesan daripada perkembangan yang mencabar ini. Oleh itu, walaupun negara mudah terjejas kepada gangguan, faktor-faktor ini menyediakan asas bagi Asia untuk kembali pulih kepada kedudukan pertumbuhan yang lebih mampan.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk berkata sesuatu tentang China, negara tuan rumah bagi mesyuarat ini. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PBOC dan khususnya, Gabenor Zhou atas layanan yang sangat mesra yang diberikan kepada kita. China sentiasa mengakui peranannya yang penting di rantau ini. Dengan penyertaan China dalam WTO pada tahun 2001, perdagangan dalam rantau yang meningkat telah menjadi pemangkin penting memacu pertumbuhan di rantau Asia. Bagi kebanyakan negara, China telah menjadi rakan perdagangan yang terbesar. Trend ini diperkukuh oleh aliran pelaburan langsung asing dua hala di rantau ini. Penggunaan Renminbi untuk menyelesaikan aliran perdagangan dan pelaburan ini merupakan satu lagi faktor yang memudahkan dan memperkukuh aliran perdagangan dan pelaburan ini.

Dalam bidang kerjasama Bank Pusat, PBOC telah secara aktif menyertai semua kumpulan serantau termasuk yang melibatkan ekonomi ASEAN. Bagi Malaysia, kerjasama ini dapat dilihat dalam pelbagai cara. Satu peristiwa yang saya akan sentiasa ingat dengan jelas ialah peristiwa pada pukul 7 malam 21 Julai 2005 apabila China dan Malaysia bersama-sama beralih kepada rejim kadar pertukaran fleksibel. Tujuh tahun sebelum itu, Malaysia telah menetapkan kadar pertukaran semasa memuncaknya krisis kewangan Asia. Peralihan ke rejim fleksibel bersama China membolehkan Malaysia mencapai tujuan tersebut tanpa digugat oleh pasaran kewangan. Bank Negara Malaysia juga menjadi salah satu Bank Pusat Asia yang pertama diberikan status Pelabur Institusi Asing yang Layak (Qualified Foreign Institutional Investor, QFII) pada tahun 2009 sebagai sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia untuk mempelbagaikan rizab Malaysia dengan instrumen berdenominasi mata wang China dan Asia lain. Walaupun

dalam persekitaran semasa China sedang menghadapi cabaran untuk menangani bidang-bidang yang ia mempunyai kelemahan dan melaksanakan langkah-langkah untuk mengimbangi semula serta memperbaharui ekonomi dan sistem kewangannya, tindakan-tindakan inilah yang akan menyokong China untuk menjadi lebih mampan, yang seterusnya akan menjadi sumber kestabilan bagi rantau ini dan juga ekonomi global.

Pada masa hadapan, masih banyak lagi yang perlu kita lakukan. Saya telah menyatakan bahawa urusan Perbankan Pusat tiada noktahnya. Memandangkan persekitaran adalah sangat dinamik, sudah tentu akan sentiasa ada cabaran baharu yang mendatang. Bagi Asia, apa yang kita perlu tekankan kini ialah cabaran masa hadapan. Dan apa yang kita lakukan sekarang akan menyediakan asas sokongan untuk masa hadapan. Terlalu banyak tumpuan telah diberikan untuk masa kini. Di Asia, meskipun kita berjaya mempersiapkan diri untuk menghadapi persekitaran semasa, kita kini perlu bersiap sedia untuk masa hadapan. Antara cabaran mendatang yang mungkin dihadapi oleh Asia adalah untuk menentukan model pertumbuhan semasa yang mampan bagi menangani kesan kelebihan demografi yang terhakis, paras hutang yang semakin meningkat, kos sara hidup yang semakin meningkat dalam tempoh inflasi yang rendah, keperluan untuk memenuhi keperluan infrastruktur berskala besar serta keperluan untuk menangani jurang pendapatan yang semakin besar dan cabaran alam sekitar.

Oleh itu, apakah cara pengurusan ekonomi yang membolehkan kita bersedia menghadapi masa hadapan? Hal ini akan melibatkan dasar dan pembaharuan yang akan mengurangkan paras hutang, yang akan menangani isu jurang pendapatan yang semakin besar, yang akan menguruskan pembangunan infrastruktur dan perbandaran yang berkesan, yang akan melestarikan alam sekitar dan akhirnya yang akan memberikan keutamaan kepada tadbir urus, akauntabiliti dan integriti dalam pelaksanaan banyak usaha untuk mencapai kemajuan yang mampan.

Mandat bagi kebanyakan Bank Pusat ekonomi sedang pesat membangun adalah lebih luas. Yang pasti ialah kita dikehendaki memainkan peranan untuk menangani cabaran-cabaran ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Yang paling penting, kita bukan sahaja mempunyai suara tetapi kita juga menyediakan sokongan untuk menangani isu-isu ini, sama ada berkaitan dengan rangkuman kewangan, pembiayaan infrastruktur atau penyediaan jaring keselamatan kewangan dan sosial atau berkaitan dengan kelestarian alam sekitar. Memandangkan banyak daripada usaha ini akan melibatkan hubungan dengan agensi lain dalam sektor awam, melalui pengalaman saya, penglibatan Bank Pusat dalam banyak agenda ini menghendaki kita supaya berhati-hati dalam pembahagian tanggungjawab dan penyempurnaan tanggungjawab tersebut. Ini supaya tanggungjawab tersebut tidak kekal selama-lamanya dengan Bank Pusat. Yang amat penting dalam proses ini adalah untuk memelihara secara berhemah kebebasan Bank Pusat.

Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan sejawat saya atas segala kerjasama dan sokongan yang diberikan kepada saya dan kepada Bank Negara Malaysia. Jalinan persahabatan dan kerjasama selama ini amat bernilai buat saya. Kepada BIS, terima kasih kerana memberi saya penghormatan untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat Bank Pusat.

Forum Global Wharton – "Menggembleng ASEAN: Membina Masa Depan Melalui Perkongsian" Kuala Lumpur, 11 Mac 2016

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya dengan sukacitanya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Kuala Lumpur, Malaysia, untuk menyertai Forum Global Wharton 2016. Sejak bertahun-tahun, komuniti Wharton telah memberikan pengiktirafan yang nyata terhadap potensi rantau ASEAN sebagai kuasa yang semakin menyerlah dalam ekonomi global. Malah, sejak lima tahun kebelakangan ini, Malaysia merupakan negara ketiga di ASEAN yang menjadi tuan rumah bagi Forum Global ini (Bangkok pada 2015 dan Jakarta pada 2012). Walaupun bank-bank pusat kerap kali menjadi tumpuan dalam Forum Wharton, saya percaya bahawa ini mungkin kali pertama Bank Pusat dipilih untuk menjadi tempat dan tuan rumah bagi Forum Global Wharton. Kami benar-benar gembira mendapat peluang menjadi tuan rumah bagi Forum Wharton pada tahun ini.

Saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan tuan-tuan dan puan-puan ke Sasana Kijang, pusat kecemerlangan Bank Negara Malaysia untuk pembelajaran dan kerjasama antarabangsa. Perkataan 'Sasana' ialah perkataan Sanskrit yang bermaksud tempat pertemuan. Bangunan Sasana Kijang, yang dibuka pada tahun 2011, mempunyai wawasan menjadi tempat pertemuan global untuk pembelajaran, pertukaran pengetahuan, kerjasama dan kolaborasi antarabangsa. Hari ini, Sasana Kijang telah berkembang menjadi tempat pertemuan global sebenar untuk kepimpinan berwawasan dan kerjasama, dengan beberapa pertubuhan antarabangsa ditempatkan dalam bangunan ini serta mesyuarat serantau dan antarabangsa yang diadakan di sini. Sebagai sebuah Bank Pusat, matlamat utama kami adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan keupayaan untuk memberikan khidmat yang lebih baik kepada masyarakat. Matlamat ini tiada bezanya dengan wawasan Joseph Wharton untuk Sekolah Wharton iaitu untuk melahirkan graduan yang akan menjadi, apa yang beliau sebut sebagai, "tiang negara, sama ada secara peribadi atau dalam kehidupan awam."

Kekuatan Bersama Rantau ASEAN

Saya akan beralih kepada tema Forum Global - "Menggembleng ASEAN: Membina Masa Depan Melalui Perkongsian." ASEAN yang ditubuhkan hampir setengah abad yang lalu kini merupakan salah satu rantau yang paling pesat berkembang dan paling dinamik di dunia. Walaupun berbeza dari segi tahap perkembangan ekonomi, kesemua sepuluh negara ekonomi ASEAN berpotensi mencatat pertumbuhan yang tinggi. Rantau ini telah mencatat purata pertumbuhan tahunan jangka panjang yang melebihi 5%, jauh lebih tinggi daripada kadar purata global, dan pertumbuhan ini dijangka dapat dikekalkan pada masa hadapan. Secara kolektif, ASEAN kini merupakan ekonomi keenam terbesar di dunia, dengan 630 juta penduduk dan KDNK digabungkan sebanyak USD2.5 trilion.

ASEAN juga merupakan salah satu pusat perdagangan global, selepas Kesatuan Eropah, Amerika Utara dan China. ASEAN juga merupakan tempat bagi lebih daripada 220 syarikat global dengan pendapatan tahunan melebihi USD1 bilion. Pertumbuhan yang kukuh dan ekonomi ASEAN yang dinamik ini disokong oleh struktur demografi yang menggalakkan. Dengan penduduknya yang rata-rata berusia muda, ASEAN mempunyai tenaga kerja ketiga terbesar di dunia, selepas China dan India, dengan kelas pertengahannya

yang berkembang pantas berikutan kemewahan yang meningkat dengan pesat. Menjelang tahun 2020, ASEAN dijangka menyumbang lebih daripada USD2 trilion bagi penggunaan tambahan kepada ekonomi dunia.

Motivasi Ke Arah Integrasi ASEAN

Faktor utama yang mengukuhkan potensi rantau ini ialah integrasi ekonomi yang progresif. ASEAN ialah salah satu rantau yang paling pelbagai di dunia - dari segi saiz ekonomi, paras pendapatan, kekayaan sumber, struktur ekonomi, pembangunan sektor kewangan, dan sistem ekonomi. Oleh yang demikian, rantau ini telah memanfaatkan ciri saling melengkapinya yang terhasil daripada kepelbagaian ini.Ini dapat dilihat dalam rangkaian pengeluaran merentas sempadan yang meningkat, dan peningkatan ketara dalam aktiviti perdagangan dan pelaburan antara rantau. Sejak tahun 1990, perdagangan dalam rantau ASEAN telah berkembang daripada 18% kepada 24% daripada jumlah perdagangan keseluruhan dan aktiviti pelaburan antara rantau kini telah meningkat empat kali sejak tahun 2000, daripada 4% kepada 17% daripada keseluruhan pelaburannya.

Walaupun wujudnya trend ke arah perdagangan dan pelaburan antara rantau yang lebih meluas, integrasi kewangan di rantau ini tidak berkembang dengan begitu ketara. Namun, ekonomi ASEAN kini mencapai tahap pembangunan yang boleh memanfaatkan lagi potensi pertumbuhan kita melalui integrasi kewangan serantau yang lebih besar. Dorongan ke arah integrasi kewangan serantau bertujuan untuk mewujudkan pengantaraan dana yang lebih berkesan, dengan simpanan yang berlebihan dari satu negara dapat disalurkan ke dalam pelaburan produktif di negara lain. Rantau ASEAN yang merupakan salah sebuah rantau dengan kadar simpanan yang tertinggi di dunia mempunyai potensi yang besar untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan yang tinggi di rantau ini untuk pembiayaan, terutamanya bagi projek pelaburan dan pembangunan infrastruktur yang besar. Integrasi kewangan akan memudahkan penyaluran sebahagian daripada dana lebihan itu kepada peluang pelaburan yang produktif di rantau ini. Integrasi ini juga akan membolehkan pempelbagaian risiko yang lebih cekap bagi aset dengan memasukkan aset asing dari rantau ini. Ini bukan sahaja akan mengurangkan pendedahan kepada perkembangan luaran tetapi akan menyumbang ke arah mencapai keadaan yang lebih stabil dalam pasaran kewangan serantau.

Pendekatan ASEAN ke arah Integrasi Lebih Besar

Saya akan beralih kepada pendekatan yang kita ambil untuk integrasi ASEAN. Seperti kebanyakan blok serantau, proses integrasi ASEAN bertujuan untuk menggalakkan kesalinghubungan serantau yang lebih luas yang seterusnya akan berkembang dan memperkukuh potensi pertumbuhan di rantau ini. Namun, bagi ASEAN, proses integrasi ini melalui prosesnya yang tersendiri dan unik. Walaupun ASEAN telah belajar daripada pengalaman integrasi monetari dan kewangan di Eropah, pendekatan yang diambil oleh ASEAN adalah jelas berbeza agar bersesuaian dengan keadaan di rantau ini. Tidak seperti Kesatuan Eropah yang membentuk kesatuan kewangan dengan mata wang tunggal sebagai elemen utama dalam merealisasikan integrasi ekonomi, rantau ASEAN telah memutuskan pada awal tahun 2000-an, berdasarkan satu kajian oleh Bank Pusat ASEAN bahawa mata wang tunggal tidak akan digunakan. Ini kerana ekonomi ASEAN tidak mempunyai prasyarat untuk mencapai kesatuan kewangan sedemikian dan usaha untuk memenuhi prasyarat itu akan melibatkan kos yang besar kepada ekonomi. Oleh itu, kesimpulan telah dibuat bahawa integrasi rantau ini lebih baik dibuat melalui integrasi kewangan serantau yang lebih mendalam untuk mencapai objektif yang sama iaitu berkongsi kemakmuran ekonomi yang lebih meluas di rantau ini.

Di samping itu, proses integrasi di Eropah dibantu oleh struktur tadbir urus yang lebih berpusat yang dipimpin oleh institusi supranasional, manakala ASEAN telah berlandaskan kemajuan pengaturan institusi dan mekanisme yang akan memudahkan integrasi

kewangan yang memanfaatkan rangkaian jawatankuasa bagi proses tadbir urus. ASEAN juga menggunakan cara yang lebih fleksibel untuk membolehkan negara anggota mengambil bahagian dalam proses integrasi kewangan berdasarkan tahap kesediaan. Tumpuan khusus adalah pada penyeragaman piawaian pengawalseliaan dan amalan penyeliaan, yang diperkukuh oleh inisiatif pembinaan keupayaan dan bantuan teknikal untuk membawa semua negara anggota ke tahap yang serupa. Pendekatan inklusif ini memastikan semua negara anggota saling mendapat manfaat daripada proses integrasi.

Selain itu, kerjasama serantau dalam bidang pengaturan pengawasan, jaring keselamatan kewangan dan pengurusan krisis telah dipertingkatkan untuk menjamin kestabilan kewangan semasa proses integrasi. Walaupun masih banyak yang perlu dilakukan, integrasi kewangan serantau telah pun melakarkan pencapaian penting sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pencapaian penting dalam proses ini termasuklah pelancaran Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF) pada bulan Mac 2015 dan kemajuan yang dicapai untuk mengintegrasikan sistem pasaran modal serta pembayaran dan penyelesaian serantau.

Perkongsian untuk Kejayaan Masa Depan

Meskipun pihak berkuasa dan pembuat dasar dalam ASEAN telah memeterai perkongsian pelbagai hala untuk mencapai matlamat bersama demi masa depan yang lebih cerah, sektor swasta juga mengambil langkah yang sama, berikutan peluang besar yang ada pada rantau yang lebih berintegrasi. Hal ini juga diperkukuh oleh kecenderungan intrinsik DNA di rantau ini, rakyatnya dan institusinya. Masa depan ASEAN perlu berlandaskan tindakan bersama untuk kemajuan ASEAN. Syarikat-syarikat sudah bergerak secara proaktif untuk memanfaatkan faedah yang terhasil daripada kepelbagaian dan kesalinglengkapan di rantau ini. Sehingga kini, usaha-usaha ini telah mencapai puncaknya dengan pelancaran Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015.

Dalam landskap global yang sentiasa berubah-ubah, tidak menentu dan kompleks, membina perkongsian yang berkesan dan perkongsian pintar menjadi penting untuk mencapai matlamat bersama ASEAN. Perkongsian menjadi penting kerana tiada satu entiti mempunyai semua penyelesaian, jawapan dan kepakaran untuk memanfaatkan sepenuhnya semua peluang dan sinergi yang diwujudkan dalam perkongsian tersebut.

Melangkah ke hadapan, pembinaan perkongsian yang berjaya merupakan satu strategi penting untuk merealisasikan potensi ekonomi sebenar ASEAN. Contohnya, perkongsian yang berkesan dalam sektor kewangan telah memberikan sumbangan penting kepada pembangunan institusi dalam sistem kewangan kita. Perkongsian ini membolehkan pengetahuan dan kepakaran dikongsi untuk memanfaatkan peluang bagi mewujudkan skala dan kecekapan untuk pembangunan infrastruktur bersama. Satu lagi bidang yang telah memanfaatkan perkongsian secara berkesan adalah dalam pembangunan ekosistem untuk menyokong perniagaan permulaan (start-up businesses). Contohnya, Pusat Inovasi Global & Kreativiti (MaGIC) yang membina komuniti perniagaan permulaan dalam ASEAN dan mempercepat ketersediaan masa untuk masuk ke pasaran (time-to-market readiness). Terdapat juga pelbagai jenis teknologi kewangan atau inisiatif ‘fintech’ oleh institusi kewangan serantau yang menggalakkan perkongsian untuk mempercepat inovasi kewangan di rantau ini.

Pada tahun 1919, seorang ahli biokimia Amerika menemui empat infrastruktur pembangunan asas yang membentuk struktur heliks berganda DNA yang ikonik. Saya juga percaya bahawa perkongsian yang berjaya juga diterajui oleh empat asas yang kuat dalam DNA, iaitu **Kebolehsuaian dan Tindak Balas, Kesalinglengkapan, Kepercayaan,** dan **Tadbir Urus.** Izinkan saya mengulas lanjut mengenai asas penting untuk kejayaan ini kepada bakal pembuat dasar dan usahawan untuk direnungi.

Asas pertama perkongsian yang kukuh ialah **kebolehsuaian dan tindak balas**. Dalam

dunia hari ini, cabaran tidak akan mudah ditangani dengan penyelesaian konvensional dan satu dimensi. Dengan kesalinghubungan yang meluas dan persaingan yang semakin sengit, keuntungan daripada perkongsian perlu dilihat daripada perspektif yang lebih luas , untuk memupuk ketangkasan dalam pengurusan persekitaran yang sentiasa berubah. Dalam perkongsian, kita perlu berusaha untuk saling menghormati dan mengiktiraf perbezaan dari segi keperluan, keutamaan dan kepentingan, serta menggalakkan dialog terbuka mengenainya. Dalam hal ini, pihak yang terlibat perlu menyesuaikan diri dan responsif dalam menawarkan penyelesaian pragmatik yang akan menyumbang kepada matlamat bersama, di samping menghormati keutamaan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan.

Asas kedua perkongsian yang berkesan ialah **kesalinglengkapan**. Kepelbagaian ASEAN bukan sahaja ditunjukkan dari segi potensi pembangunan ekonomi, tetapi meliputi budaya, bahasa dan agama yang berbeza-beza di rantau ini. Oleh itu, ASEAN menawarkan peluang yang unik untuk memanfaatkan kepelbagaian ini sebagai kekuatan yang unik dan saling melengkapi. Dengan bekerja secara kolektif, rakan ASEAN boleh membina kelebihan kerjasama yang ketara untuk mengambil faedah peluang baharu dan mencapai matlamat bersama. Ini akan melibatkan usaha mengatasi kekangan dan mengambil langkah berani termasuk dalam bentuk eksperimen, untuk mengetengahkan sempadan baharu yang mungkin dianggap mustahil sebelum ini.

Asas ketiga perkongsian yang berjaya ialah **kepercayaan**. Kepercayaan diikuti dengan kebertanggungjawaban. Kita boleh melihat kesan daripada ketiadaan kepercayaan dalam pasaran kewangan ketika dan selepas krisis kewangan global, apabila banyak pasaran terhenti dan tindakan penipuan oleh institusi kewangan menghilangkan keyakinan orang ramai. Kepercayaan adalah penting dalam mana-mana hubungan kerjasama. Nilai kepercayaan pada peringkat individu, institusi, negara dan global tidak boleh dipandang remeh. Pembinaan kepercayaan, terutama dalam kalangan pihak berkepentingan yang begitu pelbagai, sudah tentunya bukan perkara mudah. Oleh itu, perkongsian akan mendapat manfaat daripada komitmen yang jelas kepada matlamat yang ditetapkan yang seterusnya disokong oleh struktur kebertanggungjawaban yang akan mengekalkan dan memperkukuh komitmen itu.

Akhir sekali, satu aspek utama dalam menyampaikan aspirasi perkongsian ialah **tadbir urus**. Perkongsian akan berkembang maju dan menambah nilai apabila disokong oleh struktur membuat keputusan dan kerangka organisasi yang berkesan untuk memastikan kelancaran sesuatu idea yang diterjemahkan daripada konsep sehingga pelaksanaan. Faktor-faktor ini mewujudkan perkongsian dengan kesan sebenar kerana kemahiran pakar, pengetahuan dan keupayaan teknologi dapat digunakan sepenuhnya dan secara mampan bagi memastikan hasil yang berjaya.

Kesimpulan

Kesimpulannya, jalan untuk masa depan yang cerah dan berterusan bagi ASEAN bukan salah satu yang boleh dilalui secara pengasingan, terutamanya dalam dunia yang semakin tanpa sempadan. Apabila ekonomi kita menjadi makmur, masyarakat kita juga akan matang dengan potensi pertumbuhan yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, kita perlu ingat bahawa mempunyai ‘gen’ yang baik tidak menjamin hasil yang berjaya sehinggalah kita bekerjasama untuk mengaktifkan dan merealisasikan potensi yang ada pada kita. Oleh itu, pembuat dasar, komuniti perniagaan dan orang ramai perlu bekerjasama dengan berkesan untuk masa depan yang lebih baik, dengan berganding tenaga.

Akhir kata, saya berharap Forum ini akan meningkatkan pengetahuan, lebih dinamik dan produktif.

Persidangan SEACEN Mengenai Kerjasama dan Mandat Bank Pusat 'Membina Institusi untuk Menyokong Pembangunan Ekonomi' Kuala Lumpur, 14 Mac 2016

Ucapan Khas oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati dan berbangga kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan khas berkaitan dengan topik "Membina Institusi untuk Menyokong Pembangunan Ekonomi" di persidangan ini bersempena dengan penghormatan kepada Dr. Puey Ungphakorn. Topik ini amat relevan dalam persekitaran semasa yang menuntut institusi untuk memainkan peranan yang lebih besar berikutan peralihan struktur yang nyata dalam landskap global serta perubahan dalam ciri kitaran ekonomi yang membawa bersamanya pelbagai cabaran baharu yang perlu ditangani.

Memandangkan pembinaan institusi berkaitan dengan usaha mewujudkan persekitaran positif bagi ekonomi berfungsi, yang membentuk struktur insentif yang akan memacu aktiviti ekonomi dan menggalakkan penggunaan sumber yang cekap, persekitaran baharu yang berkembang lebih menuntut pembinaan institusi dengan segera. Oleh itu, terdapat galakan yang tinggi untuk membina institusi yang berkesan bagi mencapai tujuan ini. Khususnya, tuntutan segera adalah terhadap institusi kukuh yang mendahului masa yang akan memastikan laluan ke arah pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang mampan. Pengalaman menunjukkan kepada kita bahawa institusi adalah penting bagi kejayaan mana-mana ekonomi. Walau bagaimanapun, pembinaan institusi itu sendiri merupakan tugas yang sukar. Malah usaha membina institusi yang relevan untuk masa yang akan datang pastinya lebih mencabar. Namun begitu, ia perlu dilakukan sekarang sekiranya kita mahu membina asas untuk generasi akan datang.

Seorang legenda seperti Dr. Puey boleh menjadi sumber inspirasi buat kita. Dr. Puey telah lama menyedari akan pentingnya institusi kepada pembangunan ekonomi dan tidak hairanlah sekiranya beliau telah menghabiskan sebahagian besar daripada hidupnya untuk membuat kajian terhadap usaha ini. Beliau merupakan pemimpin sejati yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi negaranya yang melangkaui bidang Perbankan Pusat dan beberapa bidang lain termasuk perkhidmatan awam, pendidikan dan juga merentas sempadan negaranya, Thailand. Malah, kita kini sedang meraih manfaat daripada usaha gigih Dr. Puey yang meletakkan asas kerjasama yang lebih teguh dalam kalangan Bank Pusat rantau ini seperti yang kita lihat hari ini. Dr. Puey juga merupakan seorang yang berwawasan. Beliau gigih merealisasikan wawasannya dan menunjukkan dedikasi serta pandangan jauh ke hadapannya secara konsisten dan dalam masa yang sama membina institusi bereputasi tinggi bukan sahaja di Thailand bahkan di rantau ini.

Topik berkaitan dengan pembinaan institusi secara umumnya merujuk kepada institusi yang menyokong fungsi pasaran. Pasaran membolehkan penggunaan kemahiran dan sumber dengan lebih cekap bagi penglibatan dalam aktiviti yang lebih produktif. Seperti dinyatakan oleh Douglass North, yang terkenal dengan kerja-kerjanya dalam bidang ekonomi keinstitusian, sesebuah institusi terdiri daripada satu set peraturan formal yang menyediakan rangka kerja interaksi dan merumuskan insentif untuk ekonomi berfungsi. Ini termasuk insentif kepada mereka yang melabur dalam teknologi yang lebih cekap untuk meningkatkan kemahiran dan menguruskan pasaran dengan

cekap. Oleh itu, dalam usaha meningkatkan keberkesanan institusi, ia sebenarnya berkaitan dengan usaha meletakkan institusi sedemikian dalam persekitaran yang boleh menyerlahkan keupayaannya memenuhi tuntutan terhadap prestasi dan disiplin. Dengan itu, ia menekankan keperluan untuk mematuhi arahan, peraturan dan pengawalan tertentu yang akan membuahkan hasil kepada masyarakat.

Walaupun ekonomi maju dan membangun telah mendapat manfaat daripada institusi yang berkesan, perubahan landskap global dan nasional yang kini semakin saling berkait menuntut pengaturan institusi baharu dalam aspek yang berkaitan dengan cara perbincangan dan interaksi dilakukan. Sama pentingnya juga ialah pengaturan pengurusan terhadap cabaran-cabaran yang timbul. Pengalaman menunjukkan kepada kita bahawa keadaan ini boleh menjadi sangat mencabar lebih-lebih lagi apabila melibatkan perubahan dalam hubungan sedangkan struktur institusi masih tidak berubah. Pembinaan institusi sedemikian adalah penting khususnya semasa membuat keputusan dasar awam. Hal ini relevan apabila pengaturan penyelarasan input daripada bahagian-bahagian yang berlainan dalam sektor awam diperlukan. Bagi ekonomi sedang pesat membangun yang berada pada fasa pembangunan yang berbeza-beza, pembinaan institusi yang kukuh dan berkesan adalah lebih mendesak. Bukan sahaja institusi sedia ada perlu diperkukuh malah institusi baharu juga pula perlu dibina untuk membantu ekonomi berfungsi dengan berkesan.

Pagi tadi kita telah pun mendengar penghormatan yang diberikan kepada Dr. Puey, yang telah memainkan peranan yang cukup besar dalam pembinaan institusi di Thailand dan peranannya di rantau Asia. Banyak contoh yang boleh diambil daripada legasi beliau, antaranya usahanya yang kental untuk mencapai matlamat serta hubungannya yang berkesan dengan proses politik memandangkan politik merupakan bahagian penting ekosistem pembinaan institusi. Beliau berjaya mencapai kesemua ini tanpa kompromi, dengan sentiasa mengekalkan integriti institusi yang berkaitan dengannya. Oleh itu, pembinaan institusi perlu dilihat dari perspektif yang lebih luas, dengan mengambil kira pengukuhan pengaturan keinstitusian yang berkaitan dengan cara ekonomi dan sistem kewangan berfungsi dengan lebih berkesan dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan ekonomi. Sama seperti kemajuan teknologi yang memerlukan penggantian perkakasan dan perisian, begitulah juga dengan pembinaan institusi untuk menyokong pembangunan ekonomi, yang turut memerlukan penggantian "perkakasan" dan "perisian" keinstitusian.

Ekonomi sedang pesat membangun semakin beralih ke arah orientasi pasaran yang lebih besar, dengan pasaran menjadi mekanisme penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Meskipun mekanisme pasaran pada amnya berjaya mencapai kecekapan produktif yang lebih besar, ia tidak selalunya menghasilkan kecekapan yang lebih tinggi dalam pengagihan. Akibatnya, keadaan ketidakseimbangan dan kegagalan pasaran bukan sahaja boleh menjejaskan kebajikan sosial bahkan prospek pertumbuhan dan pembangunan sesebuah ekonomi. Oleh itu, institusi kukuh yang menyediakan pengawasan pengawalan dan penyeliaan sangat diperlukan untuk menjadikan fungsi pasaran lebih berkesan, dan pada masa yang sama mempunyai keupayaan keinstitusian untuk menguruskan gangguan.

Kemampanan dan kesinambungan pengurusan dasar yang berkesan bergantung pada prestasi institusi awam yang mempunyai dasar dan proses tadbir urus yang kukuh berlandaskan rangka kerja formal yang jelas, teratur dan terperinci. Sama pentingnya juga ialah aspek akauntabiliti. Dalam hal ini, penginstitusian dasar dan proses yang menghasilkan tadbir urus yang teguh, yang berperanan mengekalkan amalan yang baik dan menekankan disiplin, diperlukan untuk perumusan dasar yang objektif. Jurang infrastruktur pasaran dalam ekonomi sedang pesat membangun, bagaimanapun, telah menjadikan sesebuah ekonomi lebih mudah terjejas akibat kejutan luaran. Kejutan sedemikian kerap berlaku dan magnitudnya juga semakin besar, dengan risiko implikasinya yang berpanjangan terhadap pertumbuhan ekonomi kita. Memandangkan peranannya yang penting dalam pengurusan kestabilan makroekonomi dan kewangan domestik dalam

persekitaran yang berubah-ubah ini, Bank Pusat juga perlu diperkukuh untuk meningkatkan keberkesanannya dalam menyediakan keadaan yang menyokong pembangunan ekonomi.

Ucapan saya seterusnya akan menumpukan pada pembinaan institusi dan pembangunan ekonomi dari perspektif Bank Pusat ekonomi sedang pesat membangun. Ini khususnya berkaitan dengan peranan Bank Pusat untuk menyokong agenda pembangunan. Sebagai ejen pembinaan institusi dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, mandat Bank Pusat pada amnya lebih luas, melangkaui kestabilan monetari dan kewangan, dan merangkumi pembangunan sistem kewangan untuk memastikan sistem ini dapat berfungsi dengan berkesan dan cekap. Selain itu, mandat Bank Pusat turut meliputi rangkuman kewangan untuk memastikan pertumbuhan yang seimbang, dan yang terkini ia juga terlibat dalam usaha memelihara alam sekitar bagi memastikan kemajuan dan pembangunan yang mampan.

Peranan khas Bank Pusat ekonomi sedang pesat membangun

Izinkan saya menumpukan pada peranan khas Bank Pusat ekonomi sedang pesat membangun. Kebanyakan Bank Pusat ekonomi sedang pesat membangun diperlukan untuk memainkan peranan dalam pembangunan sistem kewangan. Sistem kewangan yang cukup maju dan teguh merupakan asas penting pertumbuhan ekonomi yang mampan kerana sistem ini akan meningkatkan kecekapan pengantaraan kewangan dan menyumbang kepada pengurangan kos menjalankan urus niaga selain meningkatkan daya saing. Banyak Bank Pusat telah merumuskan pelan induk dan rancangan jangka panjang untuk mencapai tujuan ini.

Asas-asas utama bagi pembangunan sistem kewangan ialah pengukuhan infrastruktur kewangan seperti sistem pembayaran dan penyelesaian, pembangunan pasaran wang dan bon, serta pelaksanaan pembaharuan kewangan yang melibatkan penyahkawalseliaan serta orientasi dan liberalisasi pasaran yang lebih besar, lantas menghasilkan integrasi yang lebih kukuh dengan sistem kewangan global. Banyak Bank Pusat ekonomi sedang pesat membangun memainkan peranan untuk menggalakkan rangkuman kewangan. Rangkuman kewangan yang lebih luas merupakan komponen utama ekonomi ke arah pencapaian pertumbuhan yang lebih seimbang untuk meningkatkan prospek pertumbuhan yang lebih mampan.

Apakah faktor-faktor yang membolehkan Bank Pusat ekonomi sedang pesat membangun memainkan peranan-peranan tersebut? Dengan berpandukan penanda aras dan amalan terbaik antarabangsa serta pemerhatian teliti masyarakat dunia, Bank Pusat merupakan institusi yang sejak sekian lama telah membina reputasi tinggi dari segi intelektual, kewibawaan dan kebebasan. Oleh itu, Bank Pusat dikehendaki menjadi institusi yang mendorong pembaharuan kewangan, yang lazimnya mencabar dalam sesebuah ekonomi. Tambahan pula, dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, tenaga mahir paling banyak bertumpu di Bank Pusat, lantas menyediakan sumber dan keupayaan intelek kepadanya untuk melaksanakan pelbagai peranan pembangunan yang melangkaui mandat terasnya. Hakikat bahawa Bank Pusat sering dianggap sebagai institusi awam bereputasi tinggi turut memberikannya keabsahan (legitimacy) yang lebih besar untuk menangani isu-isu dalam negeri yang mencabar. Untuk memainkan peranan ini dengan berkesan, tiga elemen utamanya ialah: kejelasan mengenai hasil yang dikehendaki, proses tadbir urus yang jelas berhubung dengan proses membuat keputusan dan akauntabiliti, dan akhirnya memastikan integriti dan kebebasan Bank Pusat tidak akan terjejas.

Satu lagi elemen penting baru-baru ini bagi Perbankan Pusat ekonomi sedang pesat membangun yang menyumbang kepada pembuatan dasar yang berkesan oleh Bank Pusat ialah kerjasama erat dalam kalangan Bank Pusat ekonomi sedang pesat membangun - khususnya di rantau Asia. Pembentukan platform-platform rasmi serantau bagi inisiatif kerjasama telah memudahkan perkongsian maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan

yang amat penting untuk memacu agenda nasional, serantau dan juga antarabangsa. Platform-platform ini juga menggalakkan kerjasama bukan sahaja dalam bidang pengawasan dan penyeragaman peraturan dan pengawalan bahkan dalam penilaian risiko terhadap rantau ini dan penyediaan jaring keselamatan kewangan serantau.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh serba sedikit tentang persekitaran semasa. Meskipun rantau Asia belum begitu kebal daripada kesan kegawatan dan pergolakan di bahagian lain dunia, rantau ini sering kali menunjukkan keupayaan menguruskan pemulihan dengan pantas. Faktor-faktor yang menyumbang kepada daya tahan ini bukan sekadar bergantung pada apa yang telah kita lakukan sebagai tindak balas kepada perkembangan tersebut tetapi lebih kepada apa yang telah kita lakukan sebelum ini untuk menjadikan kita lebih bersedia menguruskan perkembangan ini. Kita lebih berupaya menyerap dan menjadi pengantara semasa berlakunya kegawatan dan pergolakan kewangan, dengan siri pembaharuan kewangan yang dilaksanakan turut menambah fleksibiliti kita dan menghasilkan pelarasan harga dan kadar pertukaran yang lebih baik. Ini diperkukuh oleh asas-asas makroekonomi yang teguh dan ruang dasar yang kita ada untuk menguruskan implikasi perkembangan yang mencabar ini.

Melangkah ke hadapan, masih banyak lagi yang perlu kita lakukan. Saya sering menyatakan bahawa urusan Perbankan Pusat tiada noktahnya. Pasti akan sentiasa ada cabaran baharu yang mendatang. Di Asia, meskipun kita berjaya mempersiapkan diri untuk menghadapi persekitaran semasa, kita kini perlu bersiap sedia untuk menghadapi masa akan datang. Antara cabaran mendatang yang besar kemungkinannya dihadapi oleh rantau Asia ialah kemampanan model pertumbuhan kita sekarang, berikutan kesan terhakisnya faktor kelebihan yang kita ada dari segi demografi, dan juga paras hutang yang meningkat, kos sara hidup yang tinggi meskipun dalam tempoh inflasi yang rendah, keperluan untuk memenuhi pembinaan infrastruktur berskala besar, keperluan untuk mengecilkan jurang pendapatan yang semakin besar serta cabaran alam sekitar. Oleh itu, apakah cara pengurusan ekonomi yang membolehkan kita bersedia menghadapi masa depan? Hal ini melibatkan dasar dan pembaharuan yang akan mengurangkan paras hutang, yang akan menangani isu jurang pendapatan yang semakin besar dan seterusnya menguruskan pembangunan infrastruktur dan pembandaran yang berkesan, yang akan melestarikan alam sekitar dan akhirnya yang menekankan tadbir urus, akauntabiliti dan integriti dalam pelaksanaan dan pengendalian usaha-usaha untuk mencapai kemajuan yang mampan. Ini menyarankan pentingnya peranan pembinaan keinstitusian yang akan menyokong keupayaan untuk menghadapi cabaran-cabaran ini.

Mandat bagi kebanyakan Bank Pusat ekonomi sedang pesat membangun semakin luas. Yang pasti ialah kita dikehendaki memainkan peranan untuk menangani cabaran-cabaran ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antara isu ini termasuklah rangkuman kewangan, pembiayaan infrastruktur, penyediaan jaring keselamatan kewangan dan sosial, serta kelestarian alam sekitar. Memandangkan banyak daripada usaha ini melibatkan hubungan dengan agensi lain dalam sektor awam, melalui pengalaman saya, didapati penglibatan Bank Pusat dalam banyak daripada agenda ini menghendaki kita supaya berhati-hati dalam pembahagian skop tugas dan pengesahan tugas apabila telah disempurnakan. Ini supaya tugas tersebut bukan menjadi tanggungjawab mutlak Bank Pusat. Pengaturan keinstitusian yang baharu perlu dibangunkan untuk menyediakan penyelarasan yang berkesan di seluruh sektor awam. Yang lebih penting dalam proses ini adalah untuk memelihara secara berhemah kebebasan Bank Pusat.

Kesimpulan

Sebagai pembuat dasar dalam ekonomi sedang pesat membangun, kita mempunyai tanggungjawab tambahan dalam pembinaan institusi untuk negara. Sungguhpun usaha ini penuh dengan cabaran, namun banyak

yang boleh kita pelajari daripada satu sama lain. Melangkah ke hadapan, peralihan yang sedang berlaku dalam ekonomi global memerlukan pembinaan institusi yang berterusan pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Institusi serantau seperti SEACEN mempunyai peranan yang penting untuk menambah tenaga mahir masa akan datang, memudahkan perkongsian ilmu pengetahuan, idea dan wawasan mengenai pengurusan dasar dalam rantau ini dan penyelidikan berkaitan dengan bidang yang penting bagi rantau ini.

Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang sedalamnya serta penghargaan kepada rakan-rakan sejawat saya dan rakan sekerja di Bank Pusat anggota SEACEN, dan juga kepada SEACEN yang telah memberikan segala kerjasama dan sokongan kepada saya dan Bank Negara Malaysia sepanjang perkhidmatan saya. Jalinan persahabatan dan kerjasama selama ini amat bernilai dan istimewa buat saya. Sesungguhnya, menjadi sebahagian daripada komuniti Bank Pusat merupakan satu penghormatan yang amat bermakna buat saya.